

Isnin, 6 April 2020



Sebanyak 600 unit cecair sanitasi tangan disumbangkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) kepada kerajaan Pahang. - Foto ihsan UMP

UMP sumbang cecair sanitasi tangan untuk barisan hadapan

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Dalam usaha membantu petugas barisan hadapan menangani penularan wabak COVID-19, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbang sebanyak 600 unit cecair sanitasi tangan.

Eksekutif Kanan Pejabat Naib Canselor UMP, Saharudin Ramli, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 100 unit mengandungi satu liter untuk setiap unit, manakala 500 unit lagi mengandungi 30 mililiter untuk setiap unit.

Beliau berkata, sumbangan itu adalah inisiatif dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat ketika negara berdepan dengan ancaman penularan wabak COVID-19.

Katanya, fokus utama sumbangan itu ialah membantu petugas barisan hadapan yang bekerja keras dalam memutuskan rantai wabak terbabit.

“Dengan sumbangan ini, 600 unit cecair ini dapat membantu petugas barisan hadapan dalam usaha menyekat penularan wabak COVID-19,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan cecair sanitasi tangan kepada Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Md Yusli Ibrahim Mohd Yunus di Wisma Sri Pahang, di sini hari ini.

Cecair sanitasi tangan itu adalah hasil inovasi kerjasama antara syarikat milik penuh UMP Holdings Sdn Bhd, UMP Technology Sdn Bhd dan MNR Multitech Sdn Bhd.